

BULETIN TINTA PSS

Politeknik Sandakan Sabah

Kuasai IoT,
Kuasai Masa Depan

Pelajar Asasi Cemerlang
dalam AeroXplore
Drone Challenge 2025
di Ekspo Kerjaya TVET
Madani

EDISI 5 /2025
e issn 3009-1861



Buletin TINTA PSS

**POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
EDISI 5
JULAI - NOVEMBER 2025**

**POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
EDUCATION HUB
BATU 10, JALAN SUNGAI BATANG
90000 SANDAKAN
SABAH**



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula buletin ini di dalam apa jua bentuk adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak Politeknik Sandakan Sabah

PENAFIAN

Segala pendapat, pendirian yang disuarakan dan dinyatakan adalah merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis serta tidak melibatkan mana - mana pihak. Pihak penerbit tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kesilapan atau pelanggaran.

e-Buletin boleh diakses secara percuma melalui laman web **KOLEKSI PERPUSTAKAAN DIGITAL PSS:**
<https://fliphtml5.com/bookcase/fmbei>

DITERBITKAN OLEH:

**POLITEKNIK SANDAKAN SABAH,
EDUCATION HUB,
BATU 10, JALAN SUNGAI BATANG,
90000 SANDAKAN, SABAH.**



089-228351



089-228325



<http://pss.mypolycc.edu.my>



Politekniksandakansabah

SIDANG REDAKSI

Penaung EN. MOHD SAHRAN @ AWANG BIN MOHIDIN

Penasihat EN. MOHD SAIFUL FADLI BIN MAIDIN

Ketua Editor EN. IRWANDIH BIN MAT JAILI

Penolong Editor PN. JANILYN BINTI SALCEDO

Sidang Editorial PN. SITI SAFIAH BINTI MADRI

EN. MUHAMAD AMIRUL AIMAN BIN MOHD AZAM

TS. IMRAN AFFANDI BIN BAKI

PN. HAZZA ROSHADA BINTI RAMLI

EN. JULAINUS JIUN

PN. NUR AMEERAH BINTI AHMAD

PN. NORSYAFIQA BINTI SUHAIMI

EN. EFFANDY BIN MASALLEH

PN. AZLINAWATI BINTI ALIDIN

PN. NAJIBAH BINTI MD JUNOH

PN. NUR SAMAHAH BT MOHD ZAINUAL @ ZANUAR

PN. MUNIRAWATY BINTI UNDANG

PN. SITI HAWA BINTI AWANG

PN. NAZATUL SYAFINAZ BINTI JAFERY

PN. SITI NORISIKIN BINTI ABAS

PN. YUSMAH BINTI AG. DAMIT

TS. AZHAR BIN AMBO

EN. MOHAMAD AZRI BIN MOHAMAD

PN. SUHADAH BINTI SUDIRMAN

EN. MOHD NUR NAZAQUL HAKIMI BIN MOHD

NAJMUDDIN

EN. SAMSUR BIN NONGKANG

EN. MOHD HAFIZZIE BIN HAJINI

Rekabentuk EN. ABDUL MUTALIB BIN MANDU

Buletin EN. MOHD HAFIZZIE BIN HAJINI

Tsi

KANDUNGAN

- 01* **PERUTUSAN PENGARAH**
- 02* **TINTA ALUAN KETUA EDITOR**
- 03* **PROGRAM JABATAN / UNIT**
- 84* **BERITA PERKHIDMATAN**
- 87* **SUMBANGAN PENULISAN**
- 90* **KOLEKSI BERITA**
- 95* **LENSA PSS**
- 101* **TERIMA KASIH**



Perutusan PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Tinta Politeknik Sandakan Sabah (PSS) edisi penuh inspirasi yang ke-5 kini berjaya dilancarkan secara digital.

E-Buletin ini adalah jambatan kritikal dalam usaha kita untuk menggali dan berkongsi maklumat terkini, pencapaian luar biasa, dan kejayaan yang membanggakan. Di samping itu, e-Buletin ini juga mampu menjadi sinar untuk memaparkan imej PSS kepada komuniti di luar sana, bahawa PSS adalah sebuah institusi yang berwawasan tinggi, dinamik, dan sentiasa memacu pendidikan teknikal dan vokasional ke hadapan.

Penerbitan Tinta edisi ke-5 ini adalah cerminan kekuatan perpaduan dan kolaborasi erat antara semua warga PSS. Saya berharap agar tradisi cemerlang ini dapat terus disemarakkan, dan Tinta akan kekal menjadi obor inspirasi dan sumber maklumat yang berharga buat seluruh warga PSS.

Akhir kata, saya menyeru agar semua warga PSS akan terus menggembeleng tenaga menyokong segala inisiatif transformatif yang dilaksanakan oleh politeknik. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan mengukir sejarah untuk mengangkat nama baik PSS ke peringkat yang lebih gemilang. Sekian, terima kasih

Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin
Pengarah
Politeknik Sandakan Sabah



KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Buletin Tinta Politeknik Sandakan Sabah (PSS) edisi ke-5 kini berjaya diterbitkan secara digital.

Penerbitan Tinta kali ini bukan sahaja memperkukuh semangat kolaborasi yang utuh antara warga PSS, malah ia juga menjadi bukti komitmen jitu kita dalam mendokumentasikan setiap detik berharga dan kejayaan yang telah diperolehi.

Di dalam Tinta edisi ke-5 ini, kami bangga bawakan pelbagai kisah menarik—daripada aktiviti pelajar dan staf yang penuh semangat, hingga pencapaian membanggakan dalam bidang akademik dan kokurikulum yang mengangkat martabat institusi.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha Pengarah PSS, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, atas dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi beliau. Penghargaan yang tidak terhingga juga buat seluruh Sidang Editorial Tinta, yang bekerja keras di belakang tabir, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Tanpa kerjasama erat dan dedikasi anda, penerbitan ini tidak mungkin dapat merealisasikan impian ini.

Kami berharap agar Tinta edisi ke-5 ini dapat menjadi sumber motivasi dan maklumat yang bermanfaat buat semua pembaca. Teruslah menjadi sebahagian daripada kisah kejayaan kami, dan marilah kita bersama-sama mengemudi PSS ke mercu kecemerlangan. Sekian, terima kasih.

Irwandih bin Mat Jaili

Ketua Editor

Buletin Tinta PSS

Politeknik Sandakan Sabah



PROGRAM JABATAN/UNIT

- JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI (JAB)
- JABATAN PENGAJIAN AM (JPA)
- JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)
- JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (JHEP)
- JABATAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN (JSKK)
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)
- UNIT KEUSAHAWANAN
- UNIT PERPUSTAKAAN
- UNIT PEPERIKSAAN (UPEP)
- UNIT PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN (UPP)
- UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI (UPPSI)
- UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (UPLI)
- UNIT JAMINAN KUALITI (UJK)
- UNIT CORPORATE INDUSTRIAL SERVICES AND EMPLOYABILITY CENTER (CISEC)
- UNIT CENTRE OF AQUACULTURE TECHNOLOGY (COAT)
- UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA (UIDM)

PROGRAM PENGKOMERSILAN AKUAKULTUR : INOVASI & PERKONGSIAN KEPAKARAN KEPADA KOMUNITI

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli



BELURAN - Program Pengkomersilan Akuakultur: Inovasi & Perkongsian Kepakaran kepada Komuniti telah berjaya dilaksanakan pada 6 September 2025 dengan penglibatan seramai 90 peserta, merangkumi penternak akuakultur dari daerah Beluran serta pelajar Diploma Teknologi Akuakultur (DTQ) daripada Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB). Kehadiran peserta yang ramai membuktikan minat tinggi komuniti terhadap peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang akuakultur moden.

Majlis perasmian disempurnakan oleh wakil rasmi YB ADUN Labuk, Tuan Rafael Rindan @ Lindan, bersama pegawai daripada Pejabat Daerah dan Jabatan Perikanan Beluran. Kehadiran pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan ini menunjukkan sokongan kuat terhadap usaha Politeknik Sandakan Sabah dalam memantapkan ekosistem pembangunan komuniti melalui sektor akuakultur.





Program ini dianjurkan bagi mencapai empat objektif utama, iaitu :

1. Memperkenalkan *Aquaculture Service for Kelah* di bawah Geran T-ACGS 2025, sebagai salah satu inisiatif perkhidmatan teknikal yang ditawarkan COAT kepada komuniti.
2. Membimbing penternak agar mengamalkan kaedah pengurusan ternakan yang cekap, berasaskan data serta berorientasikan kelestarian.
3. Memperkenalkan teknik pemprosesan hasil akuakultur, bagi meningkatkan nilai tambah produk serta membuka peluang pasaran baharu.
4. Mewujudkan rangkaian strategik antara komuniti, agensi kerajaan dan institusi pendidikan untuk mengukuhkan kerjasama pembangunan industri.



Pelbagai sesi teknikal dan demonstrasi telah dijalankan melibatkan tenaga pakar COAT dan rakan kerjasama industri, antaranya:

1. Teknologi Pembenihan Ikan Kelah

Oleh En. Mohamad Azri Mohammad

Membincangkan biologi pembenihan, pengurusan broodstock, manipulasi hormon dan teknik inkubasi moden.

2. Teknologi Akuaponik MADANI

Oleh Ts. Hasnidah Md. Isa

Menekankan sistem akuaponik bersepadu, pengoptimuman nutrien dan kelestarian sumber dalam konteks komuniti luar bandar.

3. Inovasi T-FLOC

Oleh Pn. Norisikin Abas

Memperkenalkan teknologi probiotik dan pengurusan floc untuk meningkatkan kualiti air serta produktiviti ternakan.

4. Demonstrasi Pemprosesan Keropok Lekor

Oleh En. Muaz Baihaqi

Menunjukkan teknik pemprosesan, standard keselamatan makanan serta penjenamaan produk.

5. Cuba Rasa Biskut Berasaskan Tulang Ikan

Oleh Pn. Asmahani Asmara

Memperkenalkan inovasi makanan berasaskan sisa ikan bagi meningkatkan nilai tambah produk akuakultur.

Walaupun hujan lebat, kumpulan Khidmat Kepakaran Kualiti Air dan Reka Bentuk Kolam tetap menjalankan pemeriksaan komprehensif kualiti air menggunakan alat multiparameter di kolam ternakan milik En. Tampin bin Eling, Kg. Piuludan, Beluran.

Inisiatif lapangan ini sejajar dengan peranan Politeknik Sandakan Sabah sebagai institusi 4IR dalam teknologi akuakultur, yang komited memperluas penggunaan teknologi moden bagi membantu komuniti penternak meningkatkan produktiviti secara mampan.

Secara keseluruhannya, penganjuran Program Pengkomersilan Akuakultur ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta memperkukuh hubungan strategik antara komuniti penternak, agensi kerajaan dan institusi pendidikan. Program ini membuktikan komitmen berterusan Politeknik Sandakan Sabah melalui *Centre of Aquaculture Technology* (COAT) dalam memacu inovasi, meningkatkan daya saing industri, dan memberi manfaat langsung kepada masyarakat setempat serta sektor akuakultur di Sabah.

MUET CLINIC 2025

Oleh : Julainus Jiun - September, 2025

SANDAKAN - Program MUET Clinic 2025 telah dilaksanakan pada 6, 7, 27 dan 28 September 2025 yang lalu. Seramai 18 orang pelajar daripada program Asasi Teknologi Kejuruteraan (FTV) telah mengikuti program ini yang bertempat di Bilik Seminar 2, Politeknik Sandakan Sabah (PSS).

Program anjuran bersama Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan 4 kemahiran berbahasa Inggeris (Reading, Writing, Listening and Speaking) yang bakal diuji pada Ujian MUET Sesi 3 bagi tahun 2025. Di samping itu, program ini juga mengetengahkan pelbagai teknik menjawab soalan MUET dengan berkesan.

Pelaksanaan program ini adalah pada hujung minggu yang meliputi sejumlah 12 jam pertemuan secara bersemuka. Encik Julainus Jiun, yang merupakan salah seorang pensyarah Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am ialah Tutor MUET di sepanjang program ini.

Sesungguhnya program ini dapat meningkatkan kefahaman para peserta mengenai kepentingan pendidikan MUET selain mampu memperkasakan imej PSS sebagai satu institusi yang menyediakan latihan berbahasa kepada para peserta dalam mempersiapkan diri dalam menghadapi ujian MUET yang mencabar.





PROGRAM JEJAK MAHABBAH 2.0 : MENYANTUNI WARGA PENJARA SANDAKAN DENGAN ILMU DAN IHSAN

Mohamad Fazril bin Ahmad Fauzi – Oktober, 2025

SANDAKAN – *Smart Community Programme* (SCP) Jejak Mahabbah 2.0 anjuran Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sandakan Sabah (PSS) dengan kerjasama Penjara Sandakan, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Sukarelawan YES PSS serta Koperasi PSS Berhad telah berlangsung dengan jayanya di Penjara Sandakan.

Program ini merupakan kesinambungan kejayaan Jejak Mahabbah 1.0 yang diadakan pada tahun 2024, namun edisi kali ini tampil dengan skala dan fokus yang lebih meluas, merangkumi perkongsian kerohanian, asas pertanian, perikanan serta kemahiran teknikal berasaskan teknologi robotik. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh elemen pendidikan dan kemahiran dalam kalangan peserta, tetapi turut menonjolkan usaha Politeknik Sandakan Sabah dalam menerapkan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar yang memberi impak positif kepada komuniti sasaran.

Seramai 120 peserta terlibat termasuk 20 staf urusetia, 10 sukarelawan pelajar dan 90 warga Penjara Sandakan yang menjadi prospek utama program. Aktiviti seperti Jom Kekal Sihat, perkongsian Fiqh Wanita, Penghasilan Baja Organik dari Sisa Tanaman dan Sisa Dapur, Asas Binaan Sistem Akuaponik dan Semaian serta demonstrasi Robotic Arm telah memberi peluang kepada peserta untuk meneroka ilmu baharu yang bermanfaat serta meningkatkan kemahiran insaniah.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Penjara Sandakan, Tuan Muhammad Khalid bin Muhammad dan dihadiri oleh Encik Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, Pengarah Politeknik Sandakan Sabah dan Encik Irwandih bin Mat Jaili, Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Sandakan Sabah. Penganjuran kali ini bukan sahaja menyemai semangat kesukarelawanan dan nilai ihsan dalam kalangan warga PSS, tetapi turut berperanan memperkukuh hubungan kolaboratif antara institusi pendidikan dan pusat pemulihan. Program ini menjadi wadah menyantuni komuniti yang memerlukan, di samping menanam kesedaran sivik, empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta.

Pihak penganjur berharap agar Jejak Mahabbah terus menjadi inisiatif berimpak tinggi yang menyumbang kepada pembangunan insan holistik serta memberi manfaat kepada masyarakat dan institusi pada masa akan datang. Selain itu, program ini diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada lebih banyak institusi pendidikan untuk melaksanakan aktiviti khidmat komuniti yang menyemai nilai empati, tanggungjawab sosial dan perpaduan.



SAMBUTAN HARI KESENIAN ISLAM PSS BERSEMPENA MAULIDUR RASUL TAHUN 1447H

Mohamad Fazril bin Ahmad Fauzi – September, 2025

SANDAKAN - Unit Pendidikan Islam dan Moral (UPIM) Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah menganjurkan Sambutan Hari Kesenian Islam bersempena Maulidur Rasul 1447H yang jatuh pada hari Jumaat, 12 Rabi' al-Awwal 1447H bersamaan 5 September 2025. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) dan Sekretariat Rakan Imtiyaz (SERI) PSS.

Bertemakan semangat cinta kepada Rasulullah SAW dan penghayatan seni Islam, sambutan ini bertujuan memupuk nilai akhlak, kreativiti serta penghargaan terhadap warisan seni Islam dalam kalangan warga politeknik. Pelbagai pertandingan telah dianjurkan antaranya Tilawah al-Quran, Hafazan, Tulisan Jawi dan Nasyid yang melibatkan penyertaan aktif pelajar PSS

Pertandingan Tilawah al-Quran dan Hafazan telah diadakan di Dewan Kuliah Utama (DKU) pada sebelah pagi, manakala pertandingan Tulisan Jawi berlangsung di Dewan JPA. Pada sebelah malam, suasana menjadi lebih meriah dengan Pertandingan Nasyid yang menampilkan persembahan penuh semangat dan berunsurkan dakwah. Kemuncak sambutan diserikan dengan Ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh ustaz jemputan khas, menyentuh kisah perjuangan Rasulullah SAW dan kepentingan mencontohi akhlak baginda dalam kehidupan seharian.

Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai wadah hiburan berunsur Islam, tetapi juga sebagai ruang pembelajaran rohani dan pengukuhan nilai murni dalam kalangan pelajar. Tema sambutan kali ini "Agungnya Nabi, Indahya Seni" menyeru agar Akhlak mulia Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadi cerminan hidup kita dan rahmat-Nya tercurah untuk semua.

Program seperti ini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh jati diri serta kecintaan terhadap Rasulullah SAW dalam kalangan warga Politeknik Sandakan Sabah.




BENGKEL PEMERKASAAN KURIKULUM BAGI PROGRAM ASASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (*TOT PHYSICS*)

Oleh : Nur Ameerah binti Ahmad - 28 & 29 Ogos 2025




SANDAKAN- Bengkel Pemerkasaan Kurikulum Program Asasi Teknologi Kejuruteraan: *Training of Trainer (ToT) Physics* telah dilaksanakan dengan jayanya bagi memperkukuh pelaksanaan kurikulum terkini dan memastikan keselarasan dari segi kandungan, pendekatan pengajaran serta kaedah pentaksiran dalam kalangan tenaga pengajar.




Bengkel ini memberi penekanan khusus terhadap komponen amali dalam kursus *Physics*, dengan fokus utama kepada pelaksanaan dan penilaian *Practical Work* serta *Practical Test* yang merupakan elemen penting dalam pembelajaran berasaskan eksperimen. Melalui bengkel ini, para peserta berpeluang membincangkan kaedah pelaksanaan aktiviti amali yang lebih sistematik, menyeragamkan instrumen penilaian yang bersesuaian, serta memastikan pelaksanaan pentaksiran yang autentik dan selaras dengan prinsip *Outcome-Based Education (OBE)*.





Selain daripada penyelarasan kurikulum, bengkel ini turut menjadi platform perkongsian ilmu dan amalan terbaik dalam kalangan pensyarah, terutamanya dalam aspek peningkatan kualiti pengajaran amali, pematuhan terhadap prosedur keselamatan makmal, serta pengukuhan penguasaan pelajar terhadap konsep fizik melalui aplikasi sebenar.



Diharapkan penganjuran bengkel selama dua hari yang dijalankan secara bersemuka dan hibrid ini dapat memperkukuh kompetensi tenaga pengajar dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan dan relevan dengan keperluan semasa, selaras dengan aspirasi institusi untuk melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing, dan berfikiran kritis dalam bidang teknologi kejuruteraan.

KUASAI IOT, KUASAI MASA DEPAN

JMSK MEMBAWA WARGA PSS TEROKA DUNIA INOVASI DIGITAL

Oleh : Ts. Nik Salwani binti Nik Yusoff – 4 Oktober 2025



SANDAKAN – Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Politeknik Sandakan Sabah telah menganjurkan Kursus Internet of Things (IoT): Meneraju Inovasi Dalam Dunia Digital yang bertempat di Politeknik Sandakan Sabah (PSS). Program ini memberi peluang kepada staf untuk meneroka dunia teknologi terkini yang kini menjadi tunjang utama dalam pembangunan industri pintar.

Seramai 15 orang peserta, terdiri daripada pensyarah Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) sendiri telah menyertai kursus ini yang dikendalikan oleh penceramah jemputan, Encik Marc Rudy Johndery, seorang pakar dalam bidang automasi dan Internet of Things (IoT).

Sepanjang sesi, peserta bukan sahaja didedahkan kepada konsep dan komponen asas IoT, malah turut terlibat dalam aktiviti praktikal melalui projek mini berasaskan teknologi tersebut. Aktiviti ini memberi peluang kepada peserta untuk menghubungkan peranti sebenar dengan platform digital, sekali gus memahami bagaimana data boleh dikumpul, dianalisis dan dimanfaatkan dalam konteks sebenar. Pendekatan berasaskan IoT diyakini mampu memperkayakan kaedah PdP melalui elemen interaktif, penggunaan data masa nyata serta integrasi peranti pintar yang relevan dengan keperluan industri moden.



Kursus ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan menjadi langkah proaktif JMSK dalam melahirkan tenaga pengajar yang celik teknologi, kreatif serta berdaya saing dalam dunia pendidikan digital masa kini.

PELAJAR ASASI PSS CEMERLANG DALAM AEROXPLORE DRONE CHALLENGE 2025 DI EKSPLO KERJAYA TVET MADANI

Oleh : Ts. Nik Salwani binti Nik Yusoff –
26, 27 & 28 Ogos 2025



AeroXplore Drone Challenge 2025, yang dianjurkan bersama oleh ADTEC Cawangan Sandakan dan Politeknik Sandakan Sabah telah menjadi tumpuan utama sepanjang Ekspo Kerjaya TVET Madani 2025 yang telah berlangsung dari 26 hingga 28 September 2025. Pertandingan ini berperanan sebagai platform inovatif untuk menguji kemahiran pengendalian dron serta kecekapan peserta dalam bidang teknologi udara.



Terdapat sembilan penyertaan daripada kategori sekolah rendah dan 30 penyertaan bagi kategori sekolah menengah/POLYCC. Tidak ketinggalan, lima kumpulan pelajar asasi turut tampil menyahut cabaran, memperlihatkan semangat ingin belajar dan keberanian mereka menguasai teknologi dron yang kian relevan dalam dunia TVET masa kini. Cabaran ini menguji ketangkasan dan kemahiran teknikal peserta melalui tujuh halangan yang perlu diselesaikan dalam tempoh lima minit sahaja. Dengan penggunaan mod penerbangan ATTI (tanpa GPS).



Daripada lima kumpulan pelajar asasi yang bertanding, dua kumpulan berjaya menamatkan cabaran dalam masa yang ditetapkan, manakala satu kumpulan telah mencipta sejarah tersendiri apabila dinobatkan sebagai Naib Johan bagi kategori sekolah menengah/POLYCC.

"PSS NAIB JOHAN KATEGORI SEKOLAH MENENGAH/POLYCC"



Kejayaan ini diraih oleh Saudara Syed Arif Ashraf bin Syed Abdullah dan Saudara Mohammad Hakiem bin Elven, yang berjaya menewaskan saingan sengit mereka dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM300.



Kejayaan ini diharapkan dapat menjadi pencetus inspirasi kepada seluruh pelajar asasi untuk terus berinovasi, berfikir kreatif dan berani.

PROGRAM *BIOCHAR & FERTILIZER EXPERIENCE* : PEMANGKIN KOLABORASI HIJAU POLITEKNIK SANDAKAN DAN WILD ASIA SDN BHD

Oleh : Norsyafiqah' binti Suhaimi – 27 Ogos 2025



SANDAKAN – Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sandakan Sabah telah menganjurkan Program *Biochar & Fertilizer Experience* dengan kerjasama Wild Asia Sdn. Bhd. Program yang berlangsung di Politeknik Sandakan Sabah dan Bio-Transformation Centre, Kinabatangan ini menghimpunkan seramai 33 peserta terdiri daripada 11 orang staf Politeknik Sandakan Sabah dan 22 orang pelajar Program Asasi Kejuruteraan dan Diploma Teknologi Akuakultur.



Kolaborasi ini turut memberi impak positif kepada institusi dengan membuka ruang kerjasama lebih erat bersama industri luar, selain menyumbang kepada peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kaedah pertanian hijau yang lestari.

Program ini menjadi bukti komitmen Politeknik Sandakan Sabah dalam menyokong pembangunan komuniti melalui pendidikan teknikal dan vokasional yang berasaskan inovasi hijau dan kelestarian alam.



Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep dan manfaat biochar serta baja organik, di samping menggalakkan pembelajaran berasaskan pengalaman lapangan (*experiential learning*). Selain itu, ia turut meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan amalan pertanian mampan dan mesra alam serta memperkukuh hubungan strategik antara institusi pendidikan dan pihak industri.



TRAINING OF TRAINER CAD FOR ENGINEERING DRAWING

Nur Ameerah binti Ahmad - 11 September 2025

SANDAKAN - Selaras dengan perkembangan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah menganjurkan Kursus *Training of Trainers (TOT) Computer Aided Design (CAD) for Engineering Drawing* dalam usaha memperkukuh kompetensi dan memperluas pengetahuan staf terhadap teknologi terkini.


Kursus yang disampaikan oleh En. Imisamsor Bin Ismail dari Kolej Komuniti Sandakan ini bertujuan memberikan pendedahan asas kepada para pensyarah mengenai penggunaan perisian Computer Aided Design (CAD) yang semakin penting dalam bidang kejuruteraan dan pendidikan teknikal. Melalui kursus ini, peserta didedahkan kepada antaramuka, komponen asas, fungsi dan aplikasi CAD, serta diberi peluang menghasilkan lukisan kejuruteraan digital menggunakan perisian tersebut.



Penganjuran kursus ini diharapkan dapat menambah kefahaman dan kemahiran pensyarah dalam menerapkan teknologi ICT dalam proses pengajaran, pembelajaran, pentadbiran, serta inovasi di peringkat jabatan dan politeknik secara keseluruhan.

Kursus TOT ini telah mendapat penyertaan daripada 15 orang pensyarah daripada pelbagai jabatan dan unit, khususnya pensyarah daripada program Asasi Teknologi Kejuruteraan. Penglibatan aktif para peserta sepanjang sesi latihan membuktikan komitmen tinggi warga politeknik dalam memperkasa kemahiran digital selaras dengan keperluan semasa industri dan pendidikan abad ke-21.

Penganjuran program seperti ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan tenaga pengajar, tetapi turut menyemarakkan budaya pembelajaran berterusan (*lifelong learning*) dalam kalangan staf akademik.




HARI AKUAKULTUR LESTARI: *IUU FISHING TALK*


Oleh : Nadia Nurul Janna binti Mahmud - 14 Oktober 2025



SANDAKAN - Hari Akuakultur Lestari 2025 julung-julung kali dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Sandakan Sabah pada tahun ini. JPP telah menjemput Pejabat Perikanan Wilayah Tawau dan Sandakan untuk memberikan ceramah berkenaan *Illegal, Unreported, and Unregulated (IUU) Fishing* yang menjadi platform penting bagi meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan memelihara ekosistem marin dan memastikan industri perikanan berkembang secara mampan.

Pelajar Semester 5 Diploma Akuakultur adalah pelajar yang terpilih bagi mengikuti sesi ceramah ini. En. Mohd Rizal Socradji, Pegawai Perikanan yang berpengalaman sebagai Pegawai Penguasa Wilayah Tawau telah memberikan ceramah mengenai *IUU Fishing*. Penyampaian ceramah bukan sekadar isu penguatkuasaan tetapi juga cabaran dalam memastikan kelangsungan sumber laut. Sesi interaktif turut diadakan di mana pelajar menjawab soalan melalui platform Kahoot! yang disediakan. Dengan komitmen untuk menentang *IUU Fishing* dan mengamalkan akuakultur lestari, diharapkan pelajar-pelajar dapat memastikan sumber laut terjaga serta hasil laut dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.





POLITEKNIK SANDAKAN SABAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI ASASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Oleh : Azlinawati Binti Alidin - 7 Julai 2025

SANDAKAN - Hari ini tercatat sejarah baharu buat Politeknik Sandakan Sabah (PSS) apabila menerima kumpulan pertama pelajar Program Asasi Teknologi Kejuruteraan bagi Sesi 1 2025/2026. Peristiwa ini mencatat sejarah penting sebagai pengambilan sulung program asasi yang ditawarkan di Sabah. Seramai 19 orang pelajar dari Borneo berjaya mendaftarkan diri mereka dan Pengarah Encik Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin menyifatkan pengambilan ini sebagai peluang baharu untuk anak-anak Sabah melangkah lebih jauh dalam bidang kejuruteraan.

Turut hadir bagi pendaftaran sulung pelajar Asasi di Politeknik Sandakan Sabah ini ialah YBrs. Dr. Riam A/P Chau Mai, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti merangkap Timbalan Ketua Pengarah (Governan). Harapan kami pelajar ini dapat menamatkan pembelajaran Asasi ini selama setahun dan kemudiannya dapat menyambung ke peringkat seterusnya di Universiti MTUN dalam bidang Teknologi Kejuruteraan.



POLITEKNIK SANDAKAN SABAH BERJAYA MENCAPAI 100% PENDAFTARAN DIPLOMA BAGI SESI I 2025/2026

Oleh : Azlinawati Binti Alidin – 28 Julai 2025

SANDAKAN - Politeknik Sandakan Sabah (PSS) sekali lagi mencapai 100% pendaftaran pelajar baharu bagi program Diploma berdasarkan norma yang telah ditetapkan untuk Sesi I 2025/2026.

Pendaftaran yang telah berlangsung pada 28hb Julai 2025 menyaksikan seramai 83 pelajar seluruh Borneo dan Semenanjung memilih program Diploma Agroteknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur. Para pelajar ini dihantar oleh ahli keluarga dan kedatangan mereka disambut oleh Pengarah bersama Pengurusan Tertinggi PSS.

Semoga Politeknik Sandakan Sabah dapat mengekalkan peratusan kemasukan ini setiap tahun dan melahirkan pelajar yang berjaya dan cemerlang dalam bidang Agroteknologi dan Bio-Industri.





SEMANGAT JUARA FUTSAL PSS 2025

Oleh : Munirawaty binti Undang
- 23 - 24 Ogos 2025





PERTANDINGAN FUTSAL PSS 2025



BENGKEL TARIAN TRADISIONAL PSS 2025

Oleh : Jessica Augustinos - 20 Ogos 2025



KUNJUNGAN HORMAT PENTING KE SEDIA: MEMACU PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKANAN DI SABAH

Oleh : Safiah Madri - 3 November 2025

KOTA KINABALU - Delegasi Politeknik Sandakan Sabah diketuai oleh Pengarah, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin disambut mesra oleh YBhg. Datuk Seri Panglima Haji Hashim bin Paijan, Ketua Eksekutif Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) di pejabat SEDIA Aeropod Commercial Square, Kota Kinabalu.

Tujuan utama kunjungan ini adalah mengadakan perbincangan strategik dan mendapatkan pandangan serta sokongan mengenai perancangan untuk menawarkan kursus baharu, iaitu Diploma Teknologi Makanan di Politeknik Sandakan Sabah.





Fokus perbincangan termasuk keperluan industri, struktur kursus, dan potensi kerjasama antara PSS, SEDIA dan industri makanan tempatan untuk memastikan kurikulum sentiasa relevan dan pelajar mendapat pendedahan praktikal yang terbaik.

Pihak PSS menghargai sokongan dan maklumbalas bernas yang diterima daripada pihak SEDIA. Pandangan dan cadangan yang diberikan akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam memuktamadkan penawaran program ini. PSS optimis bahawa Diploma Teknologi Makanan akan menjadi pemangkin kepada inovasi dan peningkatan kualiti produk makanan Tempatan.





PSS BERJAYA LAKSANAKAN PROGRAM *MICRO CREDENTIAL STANDALONE* “TEKNOLOGI PEMBIAKAN IKAN AIR TAWAR (PELIAN)”

Oleh : Nur Samahah binti Mohd Zainual @ Zanuar - 29 September 2025



SANDAKAN - Selaras dengan hasrat menjadikan politeknik sebagai penyedia Latihan TVET, Politeknik Sandakan Sabah dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah berjaya melaksanakan Program *Micro Credential Standalone* "Teknologi Pembiakan Ikan Air Tawar (Pelian)" pada 25 hingga 29 September 2025. Program selama lima hari ini berlangsung sepenuhnya di Pusat Hatcheri, Politeknik Sandakan Sabah.

Seramai 20 peserta terdiri daripada komuniti setempat telah menyertai kursus ini. Sepanjang pelaksanaan, mereka diberi pendedahan menyeluruh merangkumi penyediaan induk ikan, teknik pembenihan termasuk suntikan hormon serta penetasan telur, dan pengurusan asuhan anak benih ikan.

Kesemua peserta telah menjalani penilaian teori dan amali dengan jayanya, dan seterusnya menerima Sijil Kompetensi yang diiktiraf oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah.

Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sahran berkata "Kejayaan penganjuran program ini membuktikan komitmen institusi dalam memperkasakan industri akuakultur tempatan. Kami berbangga dapat melahirkan lebih ramai individu berkemahiran yang berpotensi menjana pendapatan melalui teknologi pembenihan ikan air tawar, khususnya Pelian."

Dengan kejayaan ini, Politeknik Sandakan Sabah akan terus memperluas penawaran program *micro credential* bagi menyokong aspirasi pendidikan sepanjang hayat serta keperluan industri di peringkat negeri dan kebangsaan.





IFAMB@SEN2025 : KEJAYAAN INOVASI & KEUSAHAWANAN DI PENTAS ANTARABANGSA

Oleh : Yusmah binti Ag Damit , 22 – 24 September 2025



ENTREPRENEURSHIP COMPETITION

🏆 GOLD AWARD – BREWBRIGHT

SELIAAN : EN. MOHAMAD FAZRIL BIN AHMAD FAUZI

Penyertaan Politeknik Sandakan Sabah dalam *International Agrofood and Biotechnology Festival @ Special Education Needs 2025 (iFAMB@SEN2025)* yang berlangsung di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 22 – 24 September 2025 telah menyerlahkan bakat inovasi, keusahawanan serta daya saing warga PSS.

Program bertemakan "*Advancing Technology Towards a Sustainable Global Tomorrow*" ini menjadi wadah penting untuk mengetengahkan inovasi dan kreativiti dalam bidang agroteknologi dan bioteknologi.

Dengan penuh rasa syukur dan bangga, berikut adalah pencapaian Politeknik Sandakan Sabah:



ENTREPRENEURSHIP COMPETITION


2 SILVER AWARD – BORNEO MILIRICE ICE CREAM

SELIAAN : EN. MUHAMAD AMIRUL AIMAN BIN MOHD AZAM



JOHAN PITCHING BENGKEL KEUSAHAWANAN POLYCC ZON SABAH 2.0

Oleh : Yusmah binti Ag Damit - 30 September 2025



RANAU - Syabas dan Tahniah kepada semua peserta Bengkel Keusahawanan POLYCC Zon Sabah 2.0!

Telah membuktikan kesungguhan dalam mendalami aspek Bisnes, Impak, dan Digital melalui siri pemerkasaan usahawan ini dengan menggondol tempat pertama dalam Bengkel Keusahawanan PolyCC Zon Sabah kali ini.

Teruskan usaha gigih untuk mengaplikasikan kemahiran digital dan keusahawanan sosial yang dipelajari di Kundasang.





PROGRAM USAHAWAN DIGITAL

Oleh : Yusmah binti Ag Damit - 26 September 2025



SANDAKAN - Politeknik Sandakan Sabah (PSS) hari ini telah berjaya menganjurkan Program Usahawan Digital Tahun 2025 di Dewan Kuliah Utama. Program ini merupakan inisiatif Bersama Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan Maybank *Islamic Berhad* (melalui sumbangan YPM). Peserta, termasuk pelajar dari SMK Libaran dan SMK Elopura Bestari, didedahkan dengan tiga sesi perkongsian padat :

1. Asas Perniagaan oleh Puan Yusmah binti A.G Damit, Ketua Unit Keusahawanan PSS.
2. Taklimat Pendaftaran Perniagaan oleh Encik Muhammad Zulhelmi Mairan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Sabah.
3. Teknik Pemasaran Digital (menggunakan AI) oleh Encik Irwin Mohamad Daud Ker dari INSKEN.



Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh Puan Intan Baizura binti Md Rahim, Pengarah Bahagian Audit dan Pematuhan YPM. YPM turut menyampaikan *mock cheque* sebagai simbolik sumbangan daripada *Maybank Islamic Berhad* kepada Unit Keusahawanan PSS.

Tahniah kepada semua yang terlibat dan syabas kepada peserta. Ayuh, kita tingkatkan kemahiran digital untuk masa depan perniagaan.

PROGRAM KOMUNITI PINTAR READ @ PERPUSTAKAAN DESA SEMARAK BUDAYA MEMBACA

Oleh : Suhadah binti Sudirman - 29 Oktober 2025

SANDAKAN - Program Komuniti Pintar Read @ Perpustakaan Desa Kg. Gum-Gum dan Perpustakaan Desa Kg Batu Putih, Sandakan telah berjaya dilaksanakan pada 11 Oktober 2025 dengan kerjasama daripada warga Perpustakaan Desa bersama Unit Perpustakaan dan Kelab Rakan Pustaka Politeknik Sandakan Sabah.

Penganjuran program ini bertujuan menyemarakkan minat membaca, memperkukuh jalinan kerjasama antara perpustakaan dan komuniti setempat, memberi pendedahan dan kemahiran asas literasi digital serta maklumat kepada masyarakat luar bandar agar tidak ketinggalan dalam pembangunan dunia digital perpustakaan.






ANCAMAN TERSEMBUNYI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN ATAU ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) DALAM DUNIA PENDIDIKAN

Oleh : Najibah Binti Md Junoh

Manfaat teknologi berasaskan Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) semakin meluas digunakan tanpa sempadan pada masa kini merangkumi pelbagai cabang jalur bidang teknologi dan perkomputeran moden. Teknologi yang berkembang lanjutan kepesatan Kecerdasan Buatan generatif dapat dimanipulasi dalam menghasilkan karya dalam bentuk teks, imej mahupun video dengan mudah dan pantas setanding hasil karya pakar dengan kreativiti mengagumkan. Hanya dengan ketikan di hujung jari pada papan kekunci peranti serta dengan idea yang terhad, pengguna mampu melakar grafik di skrin seindah nukilan Leonardo Da Vincci, mengarang setanding penulis novel tersohor, serta mampu mencipta video sehebat pengarah terkenal. Tanpa batasan, kawalan serta panduan yang baik dalam penggunaannya secara beretika, AI juga boleh menyumbang kepada kesan negatif khususnya dalam bidang pendidikan jika disalahguna.



Penggunaan AI tanpa kawalan boleh mendorong pelajar untuk bergantung secara penuh kepada aplikasi/sistem automatik. Ini boleh menghakis kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar serta kegagalan dalam membina daya tahan intelektual apabila berdepan kesukaran mahupun cabaran baru dalam menempuh alam pengajian khususnya dalam penghasilan tugas akademik. Tumpuan mungkin lebih dalam memperoleh hasil yang cepat berbanding kaedah penyelesaian masalah atau pengalaman yang terbina hasil dari proses penyelesaian masalah tersebut selain risiko keselamatan data dan maklumat.

Tidak dapat dinafikan kelebihan AI dapat dimanfaatkan bagi memudahkan akses maklumat dan penghasilan tugas secara pantas merangkumi pelbagai peringkat tahap pengajian dalam dunia pendidikan. Namun, implikasi jangka panjang dapat memberi kesan terhadap perkembangan pengguna sebagai contoh penggunaan model Kecerdasan Buatan AI seperti *Generative Pre-Trained Transformer (GPT)* yang menggunakan teknik *Deep Learning* di bangunkan oleh syarikat perintis OpenAI. Ia sangat meluas digunapakai di kalangan pengguna pada ketika ini bagi menjana teks dibangun berdasarkan Model Bahasa Besar atau dikenali sebagai *Large Learning Model (LLM)* iaitu sistem Kecerdasan Buatan lanjutan yang direka untuk memproses, memahami dan menjana teks seperti manusia.

LLM dibangunkan oleh set data besar mengandungi berbillion perkataan daripada pelbagai sumber seperti tapak web, buku dan artikel. Model ini mampu melakukan pelbagai tugas ilmiah seperti menjawab soalan, merumuskan teks, menterjemahkan bahasa, menjana kandungan malah dapat memberi jawapan melalui perbualan interaktif justeru boleh mencipta kebergantungan pelajar kepada AI pada masa kini dalam menyiapkan tugas akademik dengan lebih mudah.





Pengguna meletakkan kepercayaan yang sangat tinggi terhadap teknologi ini walaupun ia juga mempunyai kelemahan dalam mencipta maklumat tidak benar atau tidak wujud, tetapi kelihatan sangat menakutkan. Ini mampu memperdaya pengguna yang mungkin tidak menyedari bahawa maklumat tersebut mungkin adalah palsu justeru boleh merosakkan keaslian, kebenaran serta kesahihan maklumat yang dihasilkan dan menjejaskan sumber maklumat yang dicapai. Pengguna mungkin tidak mampu membezakan antara fakta sebenar atau fakta yang direka justeru meningkatkan penularan maklumat yang tidak sahih.

Dunia Pendidikan seharusnya membentuk pelajar dengan pemikiran yang kreatif, kritis, tidak mengamalkan budaya plagiarisma serta menjunjung tinggi keaslian hasil kerja akademik bagi melahirkan generasi yang bijak dan berkemahiran tinggi. Manakala teknologi seharusnya membantu dalam memudahkan hidup serta meningkatkan daya kreativiti bukan merencat minda dan mengehend kemahiran diri pengguna khususnya pelajar yang bakal menerajui masa hadapan. Walaupun memberi impak positif yang besar dalam meningkatkan kualiti karya, hidup serta meningkatkan produktiviti hasil kerja, namun ia juga boleh mengurangkan daya kreatif pengguna khususnya pelajar dan membataskan kebolehan pelajar dalam mencipta sendiri hasil kreativiti. Ia mungkin akan menghasilkan pelajar yang kurang bersedia menghadapi situasi dunia sebenar yang penuh cabaran dan menjejaskan keupayaan beradaptasi di alam pekerjaan kelak.

Di sebalik potensinya untuk merevolusikan pembelajaran dan pengajaran, penggunaan Kecerdasan Buatan tanpa kawalan dan beretika membawa risiko signifikan yang boleh menjejaskan integriti akademik dan pembangunan intelektual pelajar. Tanpa kawalan yang menyeluruh, AI boleh memudaratkan potensi pembentukan generasi yang lebih jujur, bijak serta berkemahiran dalam memanipulasi teknologi dan bukan hanya bergantung sepenuhnya kepada teknologi moden ini. Penggunaan teknologi ini diharap dapat menghasilkan pelajar yang lebih kreatif, kritis, dan bebas dari budaya plagiarisma. Melalui garis panduan dan polisi yang bersesuaian dalam etika penggunaan teknologi yang berkembang pesat di era digital ini, AI diharap dapat menjadi alat bantu yang memperkasa, bukannya menggantikan proses pembelajaran dan pengajaran sebenar. Pendekatan serta langkah kawalan yang holistik perlu dititikberatkan selari perkembangan Kecerdasan Buatan agar dapat menyumbang implikasi positif yang bermanfaat serta memastikan integriti akademik terpelihara.


PERKONGSIAN ILMU 2025 : UNIT PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN


Oleh : Siti Hawa Binti Awang - Oktober 2025

SANDAKAN - Unit Pembangunan & Penyelenggaraan (UPP) telah melaksanakan dua Perkongsian Ilmu pada 19 dan 23 September 2025 yang lalu iaitu 'Penukaran Tombol' serta 'Sistem Penghawa Dingin Berpusat'. Para peserta yang terdiri daripada Warga Politeknik Sandakan Sabah telah mengikuti Perkongsian Ilmu ini yang bertempat di Bilik Persidangan, Politeknik Sandakan Sabah.

Perkongsian Ilmu yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan & Penyelenggaraan (UPP) dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) serta kolaborasi bersama Syarikat Kontraktor Sahabat dan juga Carrier ini bertujuan sebagai usaha untuk dan mendedahkan kefahaman mengenai sistem dan penyelenggaraan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh UPP di Politeknik Sandakan Sabah.

Para peserta menyambut baik usaha ini dan menghargai peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka daripada ilmu yang telah disampaikan.





Perkongsian Ilmu Sistem Penghawa Dingin Berpusat PSS secara Hybrid

PROGRAM IDENTITY QUEST 2025

Oleh : Nazatul Syafinaz Binti Jafer - 16 Ogos 2025

SANDAKAN - Program Identity Quest 2025 telah berjaya dilaksanakan oleh Unit Psikologi & Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Politeknik Sandakan Sabah (PSS) pada dua sesi berasingan iaitu pada 9 Ogos 2025 bagi pelajar Asasi dan 16 Ogos 2025 bagi pelajar Diploma Semester 1.

Program ini bertujuan membantu pelajar baharu mengenali potensi diri serta menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus melalui pendekatan psikologi dan aktiviti berasaskan pengalaman (*experiential learning*). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dirancang bagi meningkatkan kesedaran sendiri, membina keyakinan, serta memperkukuh jati diri sebagai pelajar politeknik.



Antara pengisian utama program termasuk sesi refleksi diri, aktiviti kumpulan dinamik, *personality exploration*, dan aktiviti interaktif yang menekankan aspek komunikasi, nilai empati, serta hubungan interpersonal. Program ini turut memberi ruang kepada pelajar mengenal pasti kekuatan dan cabaran peribadi yang boleh dibangunkan sepanjang pengajian mereka di PSS.

Melalui *Identity Quest*, pelajar diharap dapat membina identiti positif, berfikiran terbuka dan bersedia menghadapi cabaran akademik serta sosial dalam kehidupan kampus. Program ini juga menjadi platform awal bagi Pegawai Psikologi dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan pelajar baharu serta menanam nilai kesejahteraan mental dalam komuniti pelajar Politeknik Sandakan Sabah.



KURSUS ASAS PEMBIMBING RAKAN SISWA 2025

Oleh : Nazatul Syafinaz Binti Jafer - 02 Oktober 2025



SANDAKAN - Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa (PRS) telah berlangsung dengan jayanya pada 2 Oktober 2025 bertempat di Politeknik Sandakan Sabah (PSS). Kursus ini disertai oleh pelajar yang terpilih sebagai ahli baharu PRS dan dikendalikan oleh Unit Psikologi & Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PSS.



Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai Pembimbing Rakan Siswa dalam membantu rakan-rakan yang berhadapan dengan cabaran emosi, akademik, dan sosial di kampus. Melalui kursus ini, peserta didedahkan kepada kemahiran asas seperti komunikasi berkesan, empati, etika kerahsiaan, dan cara memberikan sokongan psikososial secara





MENTAL HEALTH AWARENESS DAY 2025

Oleh : Nazatul Syafinaz Binti Jafer - 10 Oktober 2025

SANDAKAN - Program *Mental Health Awareness Day 2025* telah berlangsung dengan jayanya pada 10 Oktober 2025 bertempat di Politeknik Sandakan Sabah (PSS). Program ini disertai oleh pelajar dan staf dengan tujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kalangan warga politeknik.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang program ini antaranya sesi perkongsian ilmu mengenai kesihatan mental, aktiviti interaktif berasaskan psikologi, pemeriksaan kesihatan asas serta aktiviti santai berbentuk riadah dan ekspresi seni. Penganjuran ini turut bertepatan dengan sambutan World Mental Health Day yang disambut di seluruh dunia pada tarikh yang sama.





POLITEKNIK SANDAKAN SABAH



POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan menjaga kesejahteraan emosi, mengenali tanda-tanda stres dan kemurungan, serta cara mendapatkan bantuan sokongan profesional. Melalui pelbagai pendekatan interaktif, peserta dapat memahami bahawa kesihatan mental sama pentingnya dengan kesihatan fizikal.

Selain itu, program ini juga menjadi platform bagi Pegawai Psikologi dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) PSS untuk memperkukuh peranan mereka dalam membantu pelajar menyesuaikan diri dengan cabaran kehidupan kampus. Diharapkan usaha seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi mewujudkan persekitaran kampus yang lebih prihatin, sihat dan sejahtera.



PEMBANGUNAN DAN IMPLEMENTASI ITOP: OPTIMALISASI PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI SECARA ONE-STOP CENTER

Oleh : Mohd Nur Nazaqul Hakimi Bin Mohd Najmuddin



Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) telah membangunkan satu platform dalam talian yang dikenali sebagai **Industrial Training Online Platform (ITOP)** dalam membantu penyelarasan Latihan Industri bagi pelajar Politeknik Sandakan Sabah. Laman sesawang yang dibangunkan ini dapat digunakan oleh pelajar LI, pensyarah pemantau/penilai LI, dan penyelarasan latihan industri jabatan akademik.

Penggunaan ITOP dapat membantu dalam meningkatkan kualiti kerja & proses pengurusan pelajar latihan industri. ITOP yang boleh beroperasi secara maya dapat menyediakan rujukan yang seragam dan penyampaian maklumat yang dikemaskini secara berkala mengemaskini maklumat secara berkala kepada pengguna. Di samping itu juga ITOP dapat mengurangkan bebanan simpanan dalam talian (*online storage*) dan kebergantungan kepada server rasmi PSS. Penggunaan inovasi ini jelas dapat membantu pelajar untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini serta pengurusan dokumen latihan industri dapat diuruskan secara efisien.

Inovasi ITOP ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha transformasi digital Politeknik Sandakan Sabah sebagai sebahagian daripada strategi yang lebih luas untuk memodenkan operasi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelajar dan institusi. Usaha dalam menambahbaik inovasi ini membantu ke arah langkah transformasi digital Politeknik Malaysia .

Laman ITOP UPLI PSS boleh dilayari di pautan berikut:



<https://sites.google.com/pss.edu.my/uplipss/>

LAWATAN PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR PSS SESI I : 2025/2026

Oleh : Mohd Nur Nazaqul Hakimi Bin Mohd Najmuddin

SABAH - Satu siri **Lawatan Pemantauan Latihan Industri Sesi I : 2025/2026** telah dijalankan oleh Politeknik Sandakan Sabah (PSS) ke firma dan agensi di **Zon Sabah**. Lawatan ini diadakan bermula dari **1 hingga 30 Oktober 2025**, melibatkan pelajar dari **jabatan seperti Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri**.

Lawatan pemantauan Latihan Industri adalah bertujuan untuk:

1. **Menilai kemajuan pelajar** yang sedang menjalani Latihan Industri di penempatan industri yang sebenar.
2. **Mendapatkan maklum balas** daripada pihak industri mengenai prestasi dan tahap kemahiran pelajar.
3. **Menilai kesesuaian tugas** yang diberikan kepada pelajar selaras dengan hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan oleh Politeknik.
4. **Mengukuhkan jalinan dan peluang kolaborasi** antara Politeknik dan pihak industri bagi tujuan penambahbaikan program pengajian pada masa akan datang.



Ringkasan Lawatan :

Siri pemantauan ini telah dirancang dan diselaraskan oleh Unit Perhubungan & Latihan Industri PSS, dan dilaksanakan oleh **11 orang Pensyarah Akademik** yang dilantik sebagai Pemantau. Lawatan pada sesi ini dijalankan secara hibrid melibatkan lawatan fizikal (bersemuka) dan pemantauan secara dalam talian. Bagi pemantauan secara fizikal, lawatan dibuat merangkumi sebanyak 15 daerah melibatkan seramai **83 orang pelajar** yang menjalani latihan di **56 firma** di seluruh Sabah. Manakala untuk pemantauan dalam talian pula melibatkan pelajar yang menjalani Latihan di luar zon Sabah seramai **12 orang pelajar**.

Secara keseluruhannya, **lawatan pemantauan latihan industri Politeknik Sandakan Sabah Sesi I : 2025/2026** berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Semoga kerjasama erat yang berterusan antara Industri dan Politeknik dapat melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.



SIRI TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI PSS : PENGENALAN DAN PERSEDIAAN PELAJAR LI SESI 2 : 2025/2026

Oleh : Mohd Nur Nazaqul Hakimi Bin Mohd Najmuddin

SANDAKAN - Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) di Politeknik Malaysia telah mengadakan **Siri Taklimat Latihan Industri (LI)** kepada pelajar yang bakal menjalani kursus tersebut pada Sesi II : 2025/2026. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal dan persediaan yang menyeluruh kepada para pelajar, melalui siri taklimat dan disasarkan kepada pelajar Semester 5 dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB), melibatkan dua program utama pengajian iaitu Diploma Agroteknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur.



Siri taklimat tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu **Taklimat 1 : Pengenalan Latihan Industri** dan **Taklimat 2 : Persediaan Latihan Industri**. Kedua-dua sesi taklimat ini merupakan sebahagian daripada prosedur yang ditetapkan dalam Garis Panduan Latihan Industri Politeknik Malaysia dan perlu dihadiri oleh pelajar sebelum mereka melangkah ke fasa Latihan Industri.

Taklimat 1: Pengenalan Latihan Industri

Taklimat 1 yang berlangsung pada **11 Ogos 2025**, bertempat di Dewan Kuliah Utama, bertujuan memberi penerangan kepada para pelajar mengenai proses pendaftaran kursus Latihan Industri, prosedur pemilihan dan permohonan tempat latihan, serta kelayakan yang diperlukan untuk menjalani kursus Latihan Industri.



Taklimat 2: Persediaan Latihan Industri

Taklimat 2 telah diadakan pada **17 November 2025**. Taklimat ini memberi tumpuan kepada persediaan latihan industri. Antara yang disampaikan adalah penekanan pada aspek-aspek penting termasuk prosedur dan perancangan, peraturan dan disiplin, pengurusan diri sebagai pelatih industri, serta panduan penulisan jurnal dan laporan.

Taklimat 2 telah dilaksanakan secara bersepadu bersama beberapa sesi lain, antaranya adalah taklimat Kaunseling : Persediaan Mental & Sikap ke Arah Latihan Industri, disampaikan oleh Unit Pengurusan Psikologi , Taklimat Kebajikan dan Disiplin Pelajar Semasa LI disampaikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta Taklimat Khas



Peperiksaan Pelajar Semester Akhir dari Unit Peperiksaan. Pada program kali ini juga, satu sesi khas bersama salah satu Rakan Industri PSS iaitu **NS AGRO Resources** yang telah membicarakan pelbagai aspek berkenaan skop tugas, pengurusan latihan dari perspektif industri. Pihak **NS AGRO Resources** telah memberi input yang amat baik kepada pelajar melalui perkongsian pengalaman serta memberi panduan dan ekspektasi kerjaya dalam bidang Bio-Industri.

Dengan adanya siri taklimat ini, diharapkan para pelajar dapat mempersiapkan diri dengan baik dan dapat melengkapkan diri dengan sikap dan mentaliti yang utuh supaya dapat menjalani Latihan Industri dengan cemerlang.

BENGGEL EXAMINATION EXCELLENCE INITIATIVE (EEI)

Oleh : Siti Norisikin Abas & Kelton Kapusoh - 14 November 2025



SANDAKAN - Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah berjaya menganjurkan Bengkel Examination Excellence Initiative (EEI) bagi Sesi I:2025/2026 pada 14 November 2025 bertempat di Dewan Kuliah Utama PSS. Program ini dianjurkan bersama oleh Unit Jaminan Kualiti & Jabatan Matematik, Sains dan

Bengkel EEI ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dalam menghadapi penilaian akhir dan merupakan usaha berterusan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Fokus utama adalah untuk mendedahkan pelajar dengan teknik-teknik menjawab soalan penilaian akhir, serta memberi dorongan dan motivasi untuk mengukuhkan jati diri dan keyakinan pelajar (PLO 5).



Aktiviti utama yang telah dilaksanakan sepanjang program termasuklah pelajar diberikan taklimat daripada pensyarah kursus dan pensyarah turut menyampaikan beberapa tips berkaitan subjek bagi persediaan peperiksaan. Penceramah yang dijemput khas untuk berkongsi ilmu dan motivasi ialah Encik Marc Rudy Johndery, yang turut dilihat memberikan taklimat ini.

Program ini telah memberikan impak yang ketara, di mana para pelajar dapat membiasakan diri dengan format soalan penilaian akhir. Pensyarah dapat mengenal pasti topik yang perlu dititikberatkan dan masalah pelajar dalam pencapaian akademik. Pihak penganjur berharap agar dengan adanya program EEl ini, pencapaian akademik pelajar terutamanya bagi kursus yang dinyatakan akan terus meningkat.



RAJAH 4 : PELAJAR BERGAMBAR KENANGAN SELEPAS BENGKEL SELESAI BERSAMA PENCERAMAH, PENYELARAS CQI DAN PENSYARAH

“EKSPLO KERJAYA TVET MADANI POLYCC SABAH 2025: MENYATUKAN INDUSTRI, KOMUNITI DAN PELAJAR TVET”

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli - 28 September 2025



SANDAKAN - Ekspo Kerjaya TVET Madani POLYCC Sabah 2025 yang berlangsung di Politeknik Sandakan Sabah dari 26 hingga 28 September telah melabuhkan tirainya dengan penuh gemilang dan kejayaan yang memberangsangkan. Majlis Penutupan Rasmi telah disempurnakan oleh YB Datuk Harun Bin Durabi, Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, menandakan penutup rasmi program yang membawa impak besar kepada pembangunan TVET di negeri ini.

Ekspo ini bukan sekadar pameran pendidikan atau kerjaya semata-mata, tetapi merupakan platform strategik yang menghimpunkan pelajar, graduan, komuniti, dan majikan dalam satu ruang kolaborasi. Ia bertujuan memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) sebagai pemacu utama keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi Sabah.

Program ini turut memperlihatkan penglibatan aktif Politeknik dan Kolej Komuniti di Sabah, yang bekerjasama erat untuk memastikan keperluan industri dapat dipadankan dengan penjana tenaga kerja yang kompeten. Dengan pendekatan ini, ekspo bukan sahaja menyediakan peluang pendedahan awal kepada pelajar tentang dunia pekerjaan, tetapi juga membina kesedaran dan minat dalam bidang TVET, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan di pasaran kerja.



Salah satu inisiatif penting dalam eksplo ini ialah pendedahan pelajar kepada portal *MyFuture Jobs*, hasil kerjasama dengan PERKESO Sandakan. Melalui sesi klinik kerjaya, pembimbingan penyediaan resume, dan pendaftaran secara langsung di portal tersebut, pelajar dapat mengenal pasti jawatan yang sesuai berdasarkan bidang pengajian mereka. Aktiviti ini dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan peratusan graduan yang bekerja dalam bidang berkaitan, sekaligus menyokong matlamat pembangunan modal insan berkelayakan di Sabah.

Selain aktiviti berbentuk kerjaya, eksplo ini turut melibatkan penglibatan komuniti dan belia melalui pelbagai program menarik, antaranya:

- Klinik Kerjaya, Taklimat Kerjaya dan Temuduga Kerjaya secara langsung
- Sesi Focus Group Dialog bersama pakar industri
- Fun Run 5KM dan Program Derma Darah sebagai aktiviti kesihatan dan kesukanan
- Pertandingan e-sport dan catur, untuk memupuk bakat digital dan strategik
- Aktiviti Teknousahawan dan TVET Servis daripada PolyCC Sabah, yang memberi peluang komuniti untuk merasai pengalaman langsung aplikasi TVET

Tidak ketinggalan, Cabaran Kemahiran menjadi pengisian utama eksplo, termasuk Pertandingan *48 Hours Innovate Challenge* dan *AeroXplore Drone Challenge*, yang mempamerkan kreativiti, inovasi, dan kepakaran pelajar PolyCC Sabah. Aktiviti ini bukan sahaja menguji kemahiran teknikal, tetapi juga keupayaan pelajar bekerja dalam pasukan dan menyelesaikan masalah secara kreatif.

Selain daripada itu, ekspo ini juga menjadi medium strategik untuk membina jaringan industri melalui sesi taklimat kerjaya, serta Majlis Menandatangani Lol dan NoC dengan rakan kolaborasi baharu Politeknik Sandakan Sabah. Inisiatif ini membuka peluang kerjasama jangka panjang antara institusi pendidikan dan sektor industri, memastikan kurikulum TVET sentiasa relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan.

Secara keseluruhan, Ekspo Kerjaya TVET Madani POLYCC Sabah 2025 telah mencapai objektif utama, antaranya:

1. Meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar melalui pendedahan langsung kepada dunia pekerjaan dan industri.
2. Mempertemukan keperluan industri dengan tenaga kerja berkelayakan, seterusnya memartabatkan peranan industri TVET di Sabah.
3. Memberi pendedahan awal tentang kerjaya yang tersedia dalam bidang berkaitan melalui portal *MyFuture Jobs*, PERKESO, dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah (JPSM).
4. Membantu pelajar mengenal pasti personaliti dan kerjaya yang bersesuaian, sekaligus membimbing mereka ke arah pembangunan kerjaya yang lebih terarah dan berjaya.





Unit Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC), Politeknik Sandakan Sabah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong dan menjayakan ekspo ini, termasuk pelajar, pensyarah, komuniti, rakan industri, dan pihak kerajaan. Dengan semangat kolaborasi ini, kita terus memperkukuhkan TVET sebagai tulang belakang pembangunan modal insan, demi masa depan Sabah dan negara yang lebih mapan dan berdaya saing.



KEYNOTE SPEAKER
Ekspo Kerjaya TVET Madani POLYCC Sabah 2025

**INDUSTRI PERTANIAN,
 PERIKANAN DAN PEMBUATAN
 PEMACU KUALITI TVET MADANI**

27 SEPTEMBER 2025 (SABTU)
 8.00 A.M. - 11.00 A.M.
 DEWAN KULIAH UTAMA
 POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

**YBhg. Datuk Hj. Ag. Buhtamam
 bin Hj. Ag. Mahmud**
 Ketua Pegawai Eksekutif
 Sedafiat Sdn. Bhd.
 / CEO POLYCC





FOCUS GROUP DIALOGUE
Ekspo Kerjaya TVET Madani POLYCC Sabah 2025

**INDUSTRI PERTANIAN,
 PERIKANAN DAN PEMBUATAN
 PEMACU KUALITI TVET MADANI**

27 SEPTEMBER 2025 (SABTU)
 8.00 A.M. - 11.00 A.M.
 DEWAN KULIAH UTAMA
 POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

 Moderator	 Panelis	 Panelis	 Panelis
Dr. Jason William Vitales Keras Usah CISEC Pusat Riset Khas Khas	Puan Siti Nur Afidah Binti Sahbudin Senior Manager Sektor Pembangunan Teknologi dan Riset SISB	Enock Sandi Bin Samudrin Assistant Department Manager Arahan Khas (AK) SISB Sempena Tern	Puan Norliati Binti Tamrin Pengurus Spesial II K3 Agri Resources



PEMETERAIAN NOTA KERJASAMA (NOC) & LETTER OF INTENT (LOI) BERSAMA RAKAN INDUSTRI UTAMA

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli - 28 September 2025

SANDAKAN - Politeknik Sandakan Sabah (PSS) sekali lagi mencatat sejarah baharu dengan memeterai tujuh perjanjian kerjasama strategik bersama pelbagai rakan industri dan institusi pendidikan terkemuka, merangkumi sektor perikanan, keusahawanan kreatif, teknologi, dan latihan vokasional. Langkah ini menegaskan komitmen PSS dalam memperkukuh pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) berorientasikan industri di Sabah.

Majlis Menandatangani Sijil Surat Hasrat (Loi) dan Nota Kerjasama (NoC) telah diadakan di Dewan Kuliah Utama PSS, disaksikan oleh Encik Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, Pengarah Politeknik Sandakan Sabah. Majlis ini menjadi simbol kesinambungan PSS dalam mewujudkan ekosistem pendidikan dan industri yang bersepadu, sejajar dengan aspirasi negeri dan negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, kreatif, dan berdaya saing.





Kerjasama strategik ini menumpukan kepada beberapa fokus utama, antaranya:

1. Meningkatkan kebolehpasaran graduan – melalui peluang latihan industri, penempatan pekerjaan, dan pendedahan langsung kepada amalan terbaik sektor berkaitan.
2. Memperkasa kapasiti pensyarah – melalui program sangkutan industri, perkongsian kepakaran, dan pembangunan profesional berterusan.
3. Mendorong inovasi dalam TVET – khususnya dalam bidang keusahawanan kreatif dan teknologi akuakultur, di mana graduan dapat mengaplikasikan pengetahuan teori secara praktikal dan inovatif.

Antara rakan strategik yang menandatangani kerjasama bersama PSS ialah:

- **Universiti Malaysia Terengganu (UMT – AkuaTrop)**
- **Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan**
- **Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah (KSTI)**
- **Sabah Creative Economy & Innovation Centre (SCENIC)**
- **Mark Aquaculture**
- **Tagal Luanti**
- **Kelab Ikan Hiasan & Air Tawar Sabah (SIGA)**

Dengan kerjasama ini, PSS yakin dapat melahirkan graduan TVET yang lebih bersedia, berdaya saing, dan kompeten, serta mampu memberi sumbangan nyata kepada pembangunan sektor industri dan ekonomi negeri Sabah. Langkah ini juga membolehkan PSS menjadi pusat rujukan utama TVET berorientasikan industri, di mana pengetahuan, kemahiran, dan inovasi dapat disepadukan untuk memenuhi kehendak pasaran kerja yang dinamik.

Selain daripada memberi manfaat kepada graduan, inisiatif ini juga menjalin hubungan strategik antara institusi pendidikan, industri, dan komuniti, mewujudkan sinergi yang mampu merangsang pembangunan inovasi, memperkukuh ekosistem TVET, dan memacu ekonomi tempatan. PSS komited untuk terus menjadi pemangkin utama pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, memastikan graduan tidak hanya memiliki pengetahuan akademik, tetapi juga kemahiran praktikal, kreativiti, dan daya inovasi yang relevan dengan keperluan industri semasa.

Dengan langkah berani ini, PSS bukan sahaja memperkukuh peranan TVET di Sabah, malah turut menjadi model pendidikan bersepadu yang menghubungkan teori, praktikal, dan industri, sejajar dengan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan berdaya saing dan berdaya inovasi pada masa hadapan.



PSS KUKUH HUBUNGAN INDUSTRI MELALUI MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli - 26 September 2025


SANDAKAN - Politeknik Sandakan Sabah terus memperkukuh peranan TVET dalam pembangunan modal insan dengan menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri bersama rakan kolaborasi industri utama. Mesyuarat ini menjadi platform strategik untuk memastikan program pengajian dan latihan PSS selari dengan keperluan industri sebenar, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Antara topik yang dibincangkan ialah:

- Penyelarasan kurikulum dan latihan agar graduan memiliki kemahiran relevan dengan kehendak pasaran.
- Program sangkutan industri untuk memberikan pengalaman praktikal dan pendedahan sebenar kepada pelajar.
- Inovasi dan keusahawanan TVET, membolehkan pelajar mengasah kreativiti dan kemahiran teknikal.
- Peningkatan kapasiti pensyarah melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman industri.
- Strategi kerjasama jangka panjang bagi memastikan hubungan PSS dan industri berterusan dan memberi impak nyata.

Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil daripada sektor perikanan, teknologi, keusahawanan kreatif, dan latihan vokasional. Melalui dialog dan perkongsian idea, PSS berupaya mengukuhkan ekosistem pendidikan yang bersambung terus dengan industri, sekaligus melahirkan graduan yang kompeten, kreatif, dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Dengan usaha ini, PSS bukan sahaja memperkasakan pelajar TVET, tetapi juga menjadi jambatan utama antara pendidikan dan industri, menyemai kerjasama, inovasi, dan pembangunan kapasiti bersama rakan strategik. Graduan PSS dijangka tampil sebagai tenaga kerja yang sentiasa bersedia, berdaya saing, dan mampu memberi impak positif kepada pembangunan Sabah dan negara.



CENTRE OF AQUACULTURE TECHNOLOGY (COAT) PSS DIANUGERAHKAN 1 STAR RATING

Oleh : Mohamad Azri Bin Mohammad - 20 Ogos 2025

KUANTAN - *Centre of Aquaculture Technology (COAT)* telah menerima Penarafan 1 Bintang sempena *Majlis Apresiasi Industry Education Collaboration (IIEC)* yang diadakan pada 20 Ogos 2025 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Pahang. Penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan signifikan terhadap usaha berterusan COAT dalam memperkukuh kualiti penyampaian latihan, pembangunan kompetensi, serta pematuhan kepada standard asas industri akuakultur.

Pencapaian ini turut mencerminkan keupayaan Politeknik Sandakan Sabah (PSS) sebagai sebuah institusi berstatus 4IR Flagship yang berperanan sebagai pusat rujukan utama dalam bidang akuakultur melalui penyelidikan, inovasi, dan program latihan berimpak tinggi. COAT terus komited untuk meningkatkan kecekapan operasi, memperluas rangkaian kerjasama industri, serta memastikan pembangunan modal insan yang selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan sektor akuakultur negara.

Adalah menjadi harapan agar COAT dapat terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai pusat latihan dan penyelidikan yang berdaya saing, bukan sahaja dalam memberi manfaat kepada masyarakat setempat, malah menyumbang secara lebih meluas kepada pembangunan industri akuakultur di seluruh Malaysia. Pencapaian ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada usaha peningkatan kualiti dan kecemerlangan PSS pada masa akan datang.



PROGRAM *AQUA REACH* @ PSS 2025 (AREP25)

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli

SANDAKAN - Program *Aqua Reach* @ PSS 2025 (AReP25) yang berlangsung pada 27–28 September 2025 di Politeknik Sandakan Sabah telah melabuhkan tirainya dengan jayanya. Program selama dua hari ini menampilkan empat komponen utama perkongsian ilmu yang merangkumi bidang genetik ikan laga (Betta), inovasi dan pengkomersialan akuakultur, pertandingan mini Betta, serta pembangunan rancangan perniagaan dan peluang geran kerajaan. Kesemua program ini mendapat sambutan sangat menggalakkan, selaras dengan visi COAT PSS untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran masyarakat dalam industri akuakultur.

Melalui pengisian poster rasmi program, AReP25 menonjolkan identiti profesional Politeknik Sandakan Sabah sebagai institusi TVET berfokuskan akuakultur, dengan memaparkan rangkaian aktiviti seperti Kursus Genetik Ikan Betta pada 27 September, Mini Betta Competition, Kursus Inovasi & Pengkomersialan Akuakultur, serta Kursus Rancangan Perniagaan Akuakultur & Geran Bantuan Kerajaan. Poster turut menggambarkan suasana program melalui beberapa foto, antaranya peserta melihat demonstrasi penyediaan media ternakan, sesi perkongsian, serta penyampaian hadiah pertandingan—seterusnya memvisualkan kejayaan dan keberkesanan penganjuran program ini.

Pihak penganjur merakamkan penghargaan kepada Siga Sabah, Encik Edwin Kong Robin Mechiel dan pasukan, yang hadir dari Penampang untuk menyampaikan kursus genetik ikan laga serta bertindak sebagai juri pertandingan *Mini Betta Competition* PSS 2025. Perjalanan jauh mereka melambangkan komitmen tinggi dalam menyokong pembangunan pengetahuan komuniti Betta di PSS.

Seterusnya, ucapan terima kasih ditujukan kepada Tuan Elexster Duari dan Tuan Zaimi Dan Keli yang turut berkelana dari Kota Kinabalu bagi berkongsi kepakaran mengenai rancangan perniagaan akuakultur serta peluang geran bantuan kerajaan. Kehadiran mereka memperkukuh kefahaman peserta mengenai potensi komersial industri akuakultur, yang juga digambarkan dalam poster sebagai antara modul kursus utama AReP25.



Pihak penganjur turut menghargai kehadiran Pn. Norashikin Anjur bersama pasukan dari Tampin, yang mempamerkan produk-produk akuakultur yang telah berjaya dikomersialkan. Dalam imej yang ditampilkan, peserta dilihat tekun mengikuti sesi perkongsian dan demonstrasi, sekaligus mencerminkan impak positif program ini terhadap peningkatan ilmu inovasi dan pengkomersialan.

Kehadiran Ts. Jason Min Sheng, Timbalan Pengarah, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, (BKIK JPPKK) juga amat dihargai. Beliau berkesempatan meninjau fasiliti akuakultur COAT PSS, seperti yang turut kelihatan dalam salah satu foto yang menunjukkan peserta dan fasilitator berinteraksi secara aktif dalam makmal atau ruang pembiakan ikan.

Tidak ketinggalan, penghargaan kepada Pn. Liyana dan Pn. Sabrina daripada Jabatan Perikanan Sabah yang hadir memberikan sokongan, selaras dengan usaha COAT untuk menjalin hubungan erat dengan agensi perikanan negeri bagi menyokong agenda pembangunan industri akuakultur.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada BKIK JPPKK atas peruntukan kali kedua berturut-turut yang membolehkan COAT PSS menganjurkan dua program utama iaitu KTA PSS 2024 dan kini AReP25 2025. Sokongan berterusan ini membuktikan keyakinan pihak kementerian terhadap keupayaan COAT sebagai pusat kecemerlangan akuakultur di Sabah.



The poster for AReP25 Aqua Reach @ PSS 2025 features a blue and white color scheme with a background of water and fish. At the top, it displays the logos of the Ministry of Education and Higher Education and Politeknik Malaysia Sandakan Sabah. The main title 'AReP25 AQUA REACH @ PSS 2025' is prominently displayed in a large, bold font. Below the title, the dates '27-28 SEPTEMBER 2025' and the location 'POLITEKNIK SANDAKAN SABAH' are listed. The poster details four activities, each with a date and a fee of RM10: 'KURSUS GENETIK IKAN BETTA' on 27 September 2025, 'MINI BETTA COMPETITION PSS' on 28 September 2025, 'KURSUS INOVASI & PENGKOMERSIALAN AKUAKULTUR' on 27 September 2025, and 'KURSUS RANCANGAN PERNIAGAAN AKUAKULTUR & GERAN BANTUAN KERAJAAN' on 28 September 2025. A call to action 'JOM DATANG BERAMAI-RAMAI DAFTAR SEGERA' is accompanied by a QR code and a 'SCAN ME' label. Contact information for Mohamad Azri Bin Mohammad is provided at the bottom. The footer includes logos for RSEAN, Malaysia Madani, Centre of Aquaculture Technology - COAT PSS, and POLYCC.

Dengan ini, Program KTA PSS 2024 dan AReP25 2025 disempurnakan dengan penuh kejayaan, sekaligus memperkukuh kedudukan *Centre of Aquaculture Technology* sebagai pemacu utama pembangunan ilmu, inovasi dan komuniti akuakultur di Malaysia.

PERKONGSIAN KEPAKARAN DI BAWAH UNIT *CENTER OF AQUACULTURE TECHNOLOGY (COAT)*

Oleh : Hazza Roshada Binti Ramli



Unit *Center of Aquaculture Technology (COAT)*, Politeknik Sandakan Sabah, terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif perkongsian kepakaran bagi menyokong pembangunan ilmu, kemahiran dan teknologi dalam industri akuakultur serta pendidikan TVET. Sepanjang tahun, pelbagai program telah dilaksanakan bersama komuniti, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan organisasi industri. Antara program utama adalah seperti berikut :

1. Perkongsian Ilmu Akuaponik: Politeknik Sandakan Sabah Perkasa Pembelajaran di SMK Merpati

COAT telah menjalankan sesi pemindahan ilmu akuaponik kepada para pelajar dan guru di SMK Merpati, bertujuan memberi pendedahan awal mengenai integrasi teknologi akuakultur-tanaman dalam sistem akuaponik moden. Sesi merangkumi penerangan teori, demonstrasi pengoperasian sistem, dan perkongsian aplikasi akuaponik sebagai teknologi hijau yang relevan dalam pendidikan STEM dan TVET. Inisiatif ini membantu meningkatkan minat pelajar terhadap bidang akuakultur dan inovasi teknologi.



2. Perkongsian Kepakaran Akuakultur: Penternakan Tilapia di Pusat Tenaga & Alam Sekitar, SIRIM Berhad, Shah Alam

COAT turut dijemput untuk menyampaikan kepakaran dalam bidang penternakan ikan tilapia kepada SIRIM Berhad di Shah Alam, khususnya di Pusat Tenaga & Alam

Sekitar. Perkongsian ini menekankan teknologi penternakan moden, pengurusan kualiti air, kaedah pembesaran ternakan, serta aplikasi inovasi 4IR dalam meningkatkan produktiviti. Kolaborasi ini memperkukuh hubungan antara PSS dan

SIRIM dalam pembangunan penyelidikan serta latihan teknikal berkaitan akuakultur lestari.

3. Kursus Penjagaan Kolam Ikan: Memperkasa Komuniti Warga Emas di Port Dickson

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial institusi, COAT telah mengendalikan Kursus Penjagaan Kolam Ikan khusus untuk komuniti warga emas di Port Dickson. Kursus ini memberi pendedahan mengenai teknik asas penjagaan kolam, pemantauan kesihatan ikan, pembersihan sistem dan langkah keselamatan. Program ini meningkatkan keupayaan warga emas mengurus hobi atau projek akuakultur skala kecil dengan lebih yakin dan berpengetahuan.

4. Khidmat Kepakaran kepada Kolej Komuniti Tawau dan Raudah Al Hadad Pondok Tok Su Merotai

COAT turut melaksanakan sesi khidmat kepakaran di Tawau melibatkan dua organisasi, iaitu Kolej Komuniti Tawau dan Raudah Al Hadad Pondok Tok Su Merotai. Perkongsian teknikal merangkumi cadangan reka bentuk kolam dan tangki penternakan ikan keli termasuk penilaian kapasiti kawasan, susun atur sistem, penggunaan bahan, kawalan kualiti air, dan cadangan peralatan. Bimbingan ini membantu pihak institusi dan komuniti merancang pembangunan akuakultur mereka dengan lebih teratur, selamat dan kos efektif.



Keseluruhan program perkongsian kepakaran ini membuktikan peranan COAT sebagai pusat rujukan utama dalam teknologi akuakultur di Sabah. Melalui pelaksanaan berterusan program berbentuk teknikal, latihan dan khidmat nasihat, COAT menyumbang secara langsung kepada peningkatan kompetensi komuniti dan memperkukuh jaringan kerjasama antara industri, institusi pendidikan dan agensi kerajaan.



PODCAST SIRI 1 : APA ITU PODCAST?

Oleh : Samsur bin Nongkang

Podcast kini menjadi antara medium paling popular untuk berkongsi ilmu, bercerita, dan membina komuniti. Dari topik kerjaya, akademik, hiburan hingga motivasi harian — semuanya boleh dinikmati secara santai, bila-bila masa.

What Exactly is a Podcast?

Podcast ialah kandungan audio digital yang boleh didengar melalui telefon pintar, laptop atau mana-mana platform streaming seperti Spotify, YouTube, atau Apple Podcasts. Ia seperti rancangan radio — tetapi lebih fleksibel, lebih peribadi, dan boleh dipilih mengikut minat pendengar.

Why Podcast Jadi Trend?

✓ On-the-Go

Dengar sambil memandu, memasak, jogging atau study.

✓ Mudah & Fleksibel

Satu episod boleh jadi 3 minit... atau 60 minit — ikut gaya penerbit.

✓ Suara Jadi Branding

Podcast membina personal connection antara penyampai dan pendengar. Suara lebih mudah "masuk" ke hati berbanding teks.

Jenis-Jenis Podcast Popular

- **Interview Podcast** – Host sembang dengan tetamu jemputan.
- **Solo Talk** – Host berkongsi tips, cerita, atau pandangan sendiri.
- **Storytelling / Documentary** – Ala drama audio atau kisah real-life.
- **Edu-Podcast** – Untuk ilmu, pembelajaran, skill & awareness.

Who Should Start a Podcast?

Anyone! Pelajar, staf, pensyarah, penggiat komuniti — sesiapa yang ada cerita atau ilmu untuk dikongsi. Podcast bukan tentang suara sempurna, tetapi **keaslian dan nilai** yang dibawa.

Fun Fact!

Podcast bermula seawal tahun 2004, dan kini lebih 5 juta podcast telah diterbitkan di seluruh dunia. Malaysia juga semakin berkembang dengan bakat podcaster muda!



BERITA PERKHIDMATAN



Terima Kasih

SELAMAT MAJU JAYA

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

Salam perpisahan dan selamat maju jaya kepada staf Politeknik Sandakan yang bertukar keluar. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas segala sumbangan dan jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat di Politeknik Sandakan Sabah.



**EN. MOHD ADAM NASHRIQ BIN
BANI YAMIN**



EN. MOHD FARHAN BIN JAMALUDIN



EN. NASUHA BIN NASARUDDIN



EN. MOHD FAUZAN BIN MAMAT ZAWAWI

Terima Kasih

SELAMAT MAJU JAYA

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR



TS. HASMIDAH BINTI MD ISA



TS. AZHAR BIN AMBO



TS. NIK SALWANI BINTI NIK YUSOFF



**PN. NUR AMALINA FARHANA
BINTI SHARIFFUDIN**

SUMBANGAN PENULISAN



SEKITAR ORIENTASI PENGAMBILAN AHLI BAHARU PERSATUAN RAKAN MUDA PSS

Oleh : Munirawaty binti Undang - 23 Ogos 2025



Permata

Satu

*Kau dinanti setelah sekian lama
Doa dan usaha
Syukur padaNya tiada terkata
kau ditatang bagai permata*

Dua

*Kaulah pengarang buah hati
Hari-hari terasa berseri
Melodi indah sentiasa bergema
Allah berikan hadiah terindah*

Tiga

*Kau bawa khabar gembira
Kehadiran mu tiada tara
Sentiasa menyenangkan hati yang gundah
Satu dua dan tiga kamulah segalanya*

Empat

*Hadir tanpa dijangka
Walau ada pelbagai ujian dariNya
Bahagia terasa sejak kau ada
Kaulah suka dan cinta keluarga*

Satu dua tiga dan empat

*kasih sayang tanpa syarat
Bina impian jadikan kenyataan
Moga permata kehidupan bahagia berpanjangan*

Syukur padaMu atas nikmat yang tidak ternilai...

Oleh : CNMRara



KOLEKSI BERITA



KOLEKSI BERITA

POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

SEE HUA DAILY NEWS
15 SEPTEMBER 2025

山打根14
日讯 | 大马学
术资格鉴定机
构 (MQA) 首
席执行官拿督

技術與職業教育培訓 已成國家發展議程核心

莫哈末沙达表示，技术与职业教育培训 (TVET) 已成为国家发展议程的核心，是国家经济增长与就业创新的推动力。

他强调，即将于2026年8月1日正式启用的大马资格框架2.0 (MQF)，将会整合学术与技职教育体系，为学生提供更顺畅的升学与就业途径。

莫哈末沙达指出，大马资格框架2.0不仅提升技术与职业教育培训资格的国际上的认可度，也为学生们开拓海外升学与就业机会，尤其是在农业与水产等关键领域。

拿督莫哈末沙达是于今天早上，在西埔架综合体育馆为山打根工艺学院第12届毕业典礼主持开幕仪式时这么表示。

今日的毕业典礼是迎来了307名毕业生，当中180名毕业生是来自农业科技课程文凭、127人来自水产养殖课程文凭，让过去十多年来自山打根工艺学院毕业的学生人数达到2786人。

此外，拿督莫哈末沙达指出，技术与职业教育培训不仅培养高技能人才，也让毕业生在农业、水产、自动

化及物联网 (IoT) 等领域中，具备掌握新兴科技的能力。

他说，在应对工业革命4.0挑战之际，技术与职业教育培训不再是次要选项，而是国家未来迈向成功的关键通道，并认可工艺学院在确保技术与职业教育培训课程品质、结合理论与实务方面所作的努力。

拿督莫哈末沙达还说，大马学术资格鉴定机构认证的文凭象征着毕业生所学知识及技能具备高质量与行业相关性，能够满足职场需求，给予雇主信心，证明毕业生们已具备贡献社会与经济的能力。

他指出，毕业生所考获的文凭不仅是学历证明，更是国家与国际认可的高质量教育认证，具有实际竞争力。

拿督莫哈末沙达也冀望毕业生要持续学习、勇于探索新领域，并善用所学知识成为国家发展的「变革推动者」。

他认为说，技术与职业教育培训课程学生是国家的战略资产，不仅能改善自身家庭的经济，也为国家未来作出贡献。



拿督莫哈末沙达 (中) 出席主持山打根工艺学院第12届毕业典礼开幕仪式。

KOLEKSI BERITA ONLINE

POLITEKNIK SANDAKAN SABAH



POLITEKNIK SANDAKAN CATAT SEJARAH, TERIMA PELAJAR PERTAMA PROGRAM ASASI KEJURUTERAAN

07 JULAI 2025 / FANDI / THE MALAYSIA PRESS



GRADUAN TVET TIDAK HADAPI MASALAH BEKERJA DI LUAR NEGARA, LANJUT PENGAJIAN

15 SEPTEMBER 2025 / FANDI / THE MALAYSIA PRESS



PSS STRIKES KEY INDUSTRY DEALS

17 SEPTEMBER 2025 / NABALU NEWS



SABAH POLYTECHNIC CHAMPIONS TVET DIALOGUE TO DRIVE FOOD SECURITY AND SKILLED WORKFORCE

27 SEPTEMBER 2025 / NABALU NEWS



SANDAKAN POLYTECHNIC SEALS SEVEN PARTNERSHIPS TO STRENGTHEN TRAINING

28 SEPTEMBER 2025 / THE BORNEO POST ONLINE



PERKUKUH LATIHAN BERASASKAN INDUSTRI : PSS METERAI TUJUH PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK

02 OKTOBER 2025 / BERITA RTM SABAH



POLYTECH GRADS ON PAR WITH VARSITY ONES: CEO
03 OCTOBER 2025 / MARDINAH JIKUR / DAILY EXPRESS



POLITEKNIK SANDAKAN KONGSI KEPAKARAN TVET DENGAN
WARGA PENJARA SANDAKAN
24 OCTOBER 2025 / EDITOR 03 / SABAH MEDIA

LENSA PSS













Terima Kasih

**Senarai Penulis & Penyumbang
Artikel & Karya Penulisan**

NADIA NURUL JANNA BINTI MAHMUD

TS. NIK SALWANI BINTI NIK YUSOFF

MUNIRAWATY BINTI UNDANG

JESSICA AUGUSTINOS

MOHAMAD FAZRIL BIN AHMAD FAUZI

HAZZA ROSHADA BINTI RAMLI

JANILYN BINTI SALCEDO



**POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
EDUCATION HUB, BATU 10,
JALAN SUNGAI BATANG,
90000 SANDAKAN
SABAH**

Tel : 089-228351

Faks : 089-228325

<https://pss.mypolycc.edu.my>